

## APAKAH PENYAKIT DEMAM DENGGI?

- Demam Denggi adalah sejenis penyakit merbahaya yang disebabkan oleh virus denggi.
- Penyakit ini merebak melalui gigitan nyamuk Aedes.
- Penyakit ini seringkali menyerang kanak-kanak di bawah umur 15 tahun, bagaimanapun orang dewasa juga boleh dijangkiti.
- Sehingga kini tiada ubat khusus untuk merawat penyakit ini.
- Kaedah paling berkesan untuk menjauhi penyakit ini adalah dengan mengawal pembiakan nyamuk Aedes yang menjadi pembaw virus Denggi.



## MENGENALI NYAMUK AEDES

- Nyamuk Aedes mudah dikenali dengan belang hitam putih pada kakinya.
- Aedes biasanya mengigit pada waktu siang.
- Ia membiak dalam takungan air jernih di dalam dan di luar rumah.

## TANDA-TANDA DEMAM DENGGI



Segera berjumpa doktor kerana tiada ubat khusus untuk merawat demam denggi

## TEMPAT-TEMPAT PEMBIAKAN NYAMUK AEDES



Pastikan Kawasan Anda Bebas Daripada pembiakan Nyamuk Aedes

### DI DALAM RUMAH / BANGUNAN



### DI LUAR RUMAH / BANGUNAN



## HAPUSKAN TEMPAT-TEMPAT PEMBIAKAN NYAMUK AEDES

- Tutup semua bekas menyimpan air atau bubuh ubat pembunuh jentik-jentik di dalamnya.
- Tukar air dalam bekas jambangan bunga setiap minggu.
- Buangkan air dari piring pengalas pasu bunga.
- Periksa saluran air hujan dan pastikan air tidak bertakung.
- Masukkan semua bekas yang boleh menampung air seperti tin dan botol ke dalam beg plastik dan buangkan di tempat yang disediakan.

